

UKM lancar 'Razali Student Lounge'

Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) semalam melancarkan bilik aktiviti pelajar dikenali sebagai 'Razali Student Lounge' iaitu ruangan santai bagi kegunaan pelajar Fakulti Undang-Undang, untuk melakukan tugas akademik dan bersosial.

Bilik yang sebelum ini dikenali sebagai bilik prasiswazah itu menempatkan ruang mesyuarat, ruang menonton televisyen, dapur dan ruang rehat bagi melakukan tugas harian.

Ia diberi nama Razali Student Lounge bersempena nama Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Razali Ibrahim, sebagai pengiktirafan kepada jasa beliau yang juga alumni UKM.

Razali yang juga penyumbang utama bilik berkenaan berkata, ia adalah satu pengiktirafan untuk dirinya yang juga alumni Fakulti Undang-Undang di UKM.

"Impian mereka (mahasiswa) untuk memiliki ruang santai untuk belajar dan bersosial akhirnya dapat direalisasikan berkat daripada kesabaran dan kegigihan warga fakulti ini.

"Saya rasa tidak layak untuk diberi pengiktirafan ini, namun saya menghormati usaha mereka dalam menjadikan bilik ini sebagai medium bagi menjalinkan kesepaduan antara mahasiswa di fakulti ini.

Tingkat citra UKM

"Saya mahu mereka menganggap ia sebagai modal untuk mereka terus berjaya dalam pengajian," katanya selepas merasmikan pelancaran Razali Student Lounge, di UKM, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UKM, Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal, Dekan Fakulti Undang-Undang UKM, Prof Dr Rohimi Shapiee dan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UKM, Muhammad Farhan Khairuddin.

Sementara itu, Noor Aziah berkata, pihaknya menggalakkan usaha seperti ini agar mahasiswa terus maju dalam meningkatkan citra UKM sebagai universiti terkemuka dunia.

"Saya minta mahasiswa sentiasa berusaha untuk menjayakan peranan UKM sebagai Pendaulat Amanat Negara dengan memberikan sumbangan bermakna kepada pembangunan negara dan masyarakat dalam pelbagai bidang," katanya.